

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

TARIKH : 23 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan strategi Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah banjir tahunan di negeri-negeri pantai timur terutamanya Kelantan dan Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan mempunyai strategi untuk menyelesaikan banjir tahunan terutamanya untuk Negeri Kelantan dan Terengganu.
2. Strategi untuk menyelesaikan banjir tahunan adalah melalui kaedah bukan struktur yang berprinsipkan perancangan, khususnya menyediakan pelan-pelan atau sistem yang mengurangkan keterdedahan atau risiko kepada banjir.
3. Kementerian telah menyediakan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu/ *Intergated River Basin Management* (IRBM) bagi perancangan dan pembangunan lembangan untuk rujukan pihak Kerajaan Negeri dalam sesuatu pembangunan agar tidak mengancam kelestarian alam sekitar.

NO. SOALAN : 42

4. JPS juga telah membangunkan Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) Fasa 1. Program ini meliputi lembangan-lembangan Sungai Kelantan, Sungai Terengganu dan Sungai Pahang yang dapat memberi amaran banjir seawal 2 hari sebelum kejadian, berdasarkan ramalan melalui permodelan. PRAB Fasa 1 telah pun berfungsi ketika Monsun Timur Laut 2019 yang lepas dalam menyalurkan amaran banjir kepada NADMA.

5. Kementerian ini juga melalui Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah melaksanakan penyelidikan impak perubahan iklim dan kenaikan aras laut yang menjurus kepada kejadian banjir monsun di daratan dan pesisir pantai terutama di negeri Kelantan dan Terengganu.

Sekian, terima kasih.